



## Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**SENI UKIR HULU KERIS DI NEGERI KELANTAN**

**Mohd Fadhil Bin Safi**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2011**

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000275274

**SENI UKIR HULU KERIS DI NEGERI KELANTAN**

MOHD FADHIL BIN SAFI

Projek ini merupakan salah satu keperluan  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2011

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

**JUDUL: SENI UKIR HULU KERIS DI NEGERI KELANTAN  
SESI PENGAJIAN: 2008 / 2011**

Saya **MOHD FADHIL BIN SAFI**

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Maklumat Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*\* sila tandakan ( )

**SULIT**

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

**TERHAD**


(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan oleh



**(TANDATANGAN PENULIS)**



**(TANDATANGAN PENYELIA)**

Alamat Tetap:

Kampung Chengal Pulas,  
16800 Pasir Puteh, Kelantan,  
Darul Naim.

Tarikh: *3/6/2011*

Tarikh: *3/6/2011*

Catatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Seni Ukir Hulu Keris Di Negeri Kelantan**' telah disediakan oleh **MOHD FADHIL BIN SAFI** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).


Diterima untuk diperiksa oleh:



---

(Puan Zarina Binti Mohd Shah)

Tarikh:



## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah....Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaan-Nya dapat saya menyiapkan Projek Tahun Akhir saya selama tiga tahun saya berada di UNIMAS. Setingga penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa yang saya sayangi iaitu Safi Bin Arifin dan Zaharah Bt. Ismail serta keluarga yang telah banyak memberikan dorongan dan semangat kepada saya serta bantuan kewangan untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir saya ini.

Selain daripada itu, ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia Projek Tahun Akhir saya iaitu Puan Zarina Bt. Mohd Shah kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan memberi pelbagai maklumat serta panduan untuk saya menyiapkan Projek Tahun Akhir saya ini. Selain itu juga, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah – pensyarah lain iaitu En. Shaik Azahar Bin Shaik Hussin, Pn. Rahah Bt. Hj. Hasan, Pn. Noria Ak Tugang, Pn. Anna Durin dan Miss Karen Audrey Samy kerana sudi meluangkan masa untuk menjadi pemerhati dan memberi teguran serta pandangan yang membina untuk kajian penyelidikan ini.

Akhir sekali ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada En. Rosman Latif, En. Mohd Rosli Bin Mat Tahir, En. Abdul Ghani Bin Salleh dan juga En. Ahmad Noordin Bin Seman kerana telah memberi banyak maklumat dan kerjasama dalam usaha saya untuk menyiapkan kajian ini serta kepada semua sahabat yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak sepanjang saya menjalankan Projek Tahun Akhir saya ini.

Sekian, terima kasih.

## KANDUNGAN

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
	Pengakuan	i
	Penghargaan	ii
	Isi Kandungan	iii – vii
	Senarai rajah	vii
	Senarai jadual	vii
	Abstrak	viii
	Abstract	ix

## BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Sejarah Negeri Kelantan	2 – 7
1.3	Sejarah Kota Bharu	8 – 9
1.4	Sejarah Pasir Mas	10 – 11
1.5	Sejarah Pasir Puteh	12 – 13
1.6	Sejarah Keris	14 – 20
1.7	Sejarah Ukiran	20 – 21
1.8	Definisi Seni Ukir	21 – 22
1.9	Objektif Kajian	23
1.10	Hipotesis Kajian	23

1.11 Skop Kajian	23
1.12 Persoalan Kajian	24
1.13 Permasalahan Kajian	24
1.14 Kepentingan Kajian	25
1.15 Kesimpulan	26

## **BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN**

2.1 Pengenalan	27
2.2 Ukiran Kayu Warisan Melayu	28 – 30
2.3 Motif Dalam Seni Ukir	30 – 34
2.4 Teknik – Teknik Ukiran	35 – 36
2.5 Kesimpulan	36

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	37
3.2 Lokasi Kajian	38
3.3 Kaedah Kualitatif	38
3.3.1 Temu ramah	39
3.3.2 Pemerhatian	40
3.4 Sumber Data	40
3.4.1 Data Primer	41
3.4.2 Data Sekunder	41

## BAB 4 ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	48
4.2 Lokasi Temu ramah	49 – 50
4.3 Contoh Borang Pemerhatian	51
4.3.1 Jadual Analisis Jenis Ukiran	52 – 53
4.3.2 Jadual Analisis Jenis Motif	54 – 58
4.4 Maksud Di sebalik Ukiran Pada Hulu Keris	59
4.5 Teknik Pembuatan Ukiran Pada Hulu Keris	60 – 61
4.6 Jenis Kayu Yang Sesuai Untuk Dijadikan Hulu Keris	61 – 63

4.7 Motif Yang Digunakan Dalam Penghasilan Ukiran Pada Hulu	63 – 65
Keris	
4.8 Temu ramah	66
4.9 Kesimpulan	67

## **BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan	68
5.2 Rumusan	69 – 72
5.3 Cadangan	72 – 73
5.4 Cadangan Untuk Kajian Yang Akan Datang	74 – 75
5.5 Kesimpulan	76
	77 – 78

## **Bibliografi**

## **Lampiran**

## **SENARAI RAJAH**

1.1 Peta Daerah Negeri Kelantan	7
1.2 Peta Daerah Kota Bharu	9
1.3 Peta Daerah Pasir Mas	11
1.4 Peta Daerah Pasir Puteh	13

## **SENARAI JADUAL**

4.3.1 Jadual Analisis Jenis Ukiran	52 – 53
4.3.2 Jadual Analisis Jenis Motif	54 – 58

## **ABSTRAK**

Seni ukir merupakan seni rupa tradisi Melayu yang terulung. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji maksud di sebalik ukiran pada hulu keris di negeri Kelantan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat teknik ukiran yang digunakan dalam membuat ukiran pada hulu keris tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati terdapat tiga teknik ukiran yang digunakan untuk menghasilkan ukiran pada hulu keris. Selain itu juga, terdapat beberapa motif ukiran yang digunakan untuk menghasilkan ukiran pada setiap hulu keris. Dalam hasil kajian ini, pengkaji berharap agar generasi akan datang dapat menghargai seni ukir hulu keris sebagai salah satu kesenian di negeri Kelantan.

## ***ABSTRACT***

Sculpture art is one of traditional Malay arts. Studies has been made to study the implied meaning on the Kris handle in Kelantan state. Besides, studies also done in purpose to observe about sculpture technique which applied on that Kris handle. In viewed, researcher found that there are three techniques used to produce sculpture on that Kris handle. The others, there also have some motif of sculpture which is used to produce sculpture on Kris handle. In this view, researcher wish so that next generation will appreciate the sculpture art as one of the aesthetic in Kelantan state.

# BAB 1

# PENGENALAN

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan menekankan kepada pengenalan kajian yang ingin dijalankan iaitu bertajuk Seni Ukir Hulu Keris Di Negeri Kelantan. Di dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan secara ringkas tentang sejarah negeri Kelantan yang merupakan lokasi untuk kajian pengkaji. Pengkaji juga akan menerangkan lokasi daerah yang dipilih untuk membuat kajian iaitu daerah Pasir Mas, Kota Bharu dan juga Pasir Puteh. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji akan menerangkan serba – sedikit mengenai sejarah keris, sejarah ukiran, definisi seni ukir, objektif kajian, hipotesis kajian, skop kajian dan lain – lain lagi. Perkara – perkara ini merupakan elemen asas terhadap kajian pengkaji sebelum ianya dijalankan.

## **1.2 Sejarah Negeri Kelantan**

Menurut Abdul Halim Nasir ( 1979 ), melalui buku panduan ke tempat – tempat bersejarah Kelantan bahawa Negeri Kelantan terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu di antara garisan lintang  $40^{\circ} 32'$  dan  $6^{\circ} 15'$  di Utara dan garis bujur  $101^{\circ} 37'$  di Timur. Di Utara ialah Laut China Selatan yang terdapat pantai dan laut yang sepanjang 60 batu persegi. Di sebelah Barat pula ialah Negeri Perak dan Thailand, manakala di sempadan Negeri Perak terdapat Banjaran Gunung Titiwangsa. Banjaran gunung tersebut menjadi benteng atau sempadan yang memisahkan perhubungan lalulintas di antara kedua – dua negeri tersebut. Manakala terdapat pula Sungai Golok di Thailand yang secara tidak langsung telah memisahkan kedua – dua negeri tersebut.

Di Selatan pula terdapat Negeri Pahang dan Banjaran Gunung Tahan yang menganjur dari Barat ke Timur. Kemuncak Gunung Tahan iaitu gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia dan mempunyai ketinggian 7,186 kaki persegi. Di Timur pula terletak Negeri Terengganu, terdapat juga banjaran gunung yang manganjur dari Utara ke Selatan. Di banjaran ini terdapat Gunung Chinta Wangsa iaitu 3,888 kaki persegi yang dikatakan tempat bersemayamnya Cik Siti Wan Kembang iaitu Raja Perempuan Kelantan yang masyur ketika zaman dahulu. Keluasan Negeri Kelantan ialah kira – kira 5,713 batu persegi.

Sehingga ke hari ini belum dapat diketahui dengan jelas mengapa Kelantan disebut sebagai Negeri Kelantan. Jika ditinjau tentang penemuan duit dinar emas yang dijumpai di Kota Kubang Labu itu telah jelas dalam tahun 1181M nama Kelantan telah disebut. Namun, sesetengah pendapat menyatakan bahawa nama Kelantan dikatakan berasal daripada perkataan “ Gelam Hutan ”, iaitu nama Melayu bagi pokok *Melaleuca Leucadendron*. Ada juga yang mengatakan bahawa Negeri Kelantan berasal daripada perkataan “ Kilatan atau Kolam Tanah ”. Selain daripada itu, ada juga yang mengatakan Kelantan dikenali dengan nama “ Tanah Serendah Sekebun Bunga ”, “Tanjung Pura ”, dan juga dikenali dengan nama “ Cik Siti Wan Kembang ”.

Sejarah awal Kelantan tidak begitu jelas, namun penemuan arkeologi menunjukkan kesan penempatan manusia di zaman prasejarah. Kelantan juga mempunyai perhubungan yang terawal dengan Empayar Funan, Srivijaya dan juga Siam. Kira – kira pada tahun 1411M, Raja Kumar iaitu Raja Kelantan membebaskan negeri tersebut daripada Siam. Baginda menggunakan gelaran Sultan Iskandar Shah setelah memeluk ajaran Islam. Kelantan kemudiannya menjadi sebuah pusat perdagangan yang penting pada akhir abad ke-15.

Pada tahun 1499, Kelantan telah menjadi negeri asal Kesultanan Melaka. Setelah kejatuhan Melaka pada tahun 1511, Kelantan juga dibahagikan dan diperintah oleh ketua – ketua kecil. Ancaman daripada Siam pada tahun 1603 menyebabkan

kebanyakkan ketua – ketua kecil Kelantan bernaung di bawah Persekutuan Pattani Besar. Kerajaan Pusat di Pattani membahagikan Kelantan kepada empat wilayah iaitu Kelantan Timur, Kelantan Barat, Legeh dan Ulu Kelantan. Namun, pada tahun 1760, seorang Putera Raja Kelantan Barat berjaya dalam penyatuan wilayah Kelantan sekarang. Tidak lama kemudian, pada tahun 1764, Long Yunus iaitu Putera Raja Kelantan Timur, anak Long Sulaiman berjaya merampas kembali takhta kerajaan dan mengisytiharkan diri Baginda sebagai Raja Kelantan.

Manakala, pada tahun 1800, Raja Muhammad telah mengisytiharkan diri baginda sebagai Sultan pertama Kelantan. Pada tahun 1812, Baginda juga telah berjaya melepaskan diri daripada pengaruh Terengganu dan menjadi Negara Siam yang berasingan. Selain itu, Kelantan juga merupakan salah satu daripada negeri yang mempunyai penduduk yang ramai serta makmur di Semenanjung Tanah Melayu kerana berjaya mengelak daripada berlakunya perang dan pertumpahan darah yang berlaku di negeri – negeri di Selatan dan Barat pada masa itu. Manakala Siam memainkan peranan penting di Kelantan pada keseluruhan abad ke-19.

Di bawah syarat Perjanjian British-Siam pada tahun 1909, Siam menyerahkan tuntutan Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah kepada Britain. Seterusnya, Kelantan menjadi salah satu daripada Negeri – Negeri Melayu tidak Bersekutu di bawah Residen British. Kelantan juga merupakan tempat pertama di Malaya yang ditakluk oleh Jepun

yang menyerang tanah Melayu pada 8 Disember 1941. Semasa pendudukan Jepun, Kelantan sekali lagi dikawal oleh Siam, tetapi selepas kekalahan Jepun pada Ogos 1945, Kelantan kembali kepada pemerintahan British.

Pada 1 Februari 1948, Kelantan dan bersama – sama negeri lain telah menjadi sebahagian Persekutuan Tanah Melayu serta mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada 16 September 1963, Kelantan adalah satu daripada negeri – negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia. Negeri Kelantan dibahagikan kepada 10 kawasan yang dikenali sebagai Jajahan / Daerah. Jajahan – Jajahan itu termasuklah Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Kuala Krai, Gua Musang, Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat dan jajahan kecil Jeli.

Selain itu, sejarah negeri Kelantan juga bermula pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad pada tahun 1584. Baginda telah berkahwin dengan Cik Banun dan dikurniakan seorang cahaya mata perempuan yang diberi nama Cik Wan Kembang. Setelah kemangkatan Sultan Ahmad pada tahun 1589, anakandanya Cik Wan Kembang baru berusia 4 tahun dan tidak boleh ditabalkan sebagai pengganti baginda dan pada masa itu, Raja Hussin dari Johor dilantik sebagai Pemangku Raja Kelantan. Apabila Raja Hussin mangkat pada tahun 1610M, barulah anakanda Sultan Ahmad iaitu Cik Siti Wan Kembang dilantik menjadi raja. Kelantan pada masa dahulu terkenal dengan pemerintahan Cik Siti Wan Kembang di Gunung Chinta Wangsa serta

menyebabkan Negeri Kelantan dikunjungi oleh pedagang – pedagang dari dalam dan luar negeri termasuk juga orang – orang Arab yang menggelarkan Cik Siti Wan Kembang dengan panggilan “Paduka Cik Siti”. Baginda Cik Siti Wan Kembang juga mempunyai seekor kijang yang kemudiannya menjadi lambang kebesaran Negeri Kelantan.

Negeri Kelantan menjadi sebuah tempat perdagangan disebabkan kedudukannya yang strategik kerana terletak di pertengahan jalan perdagangan timur barat. Hal ini berlaku disebabkan ramai pedagang yang berdagang ke Negara China dan singgah untuk beristirahat di Negeri Kelantan sekaligus menjalankan aktiviti perdagangan di Kelantan. Kelantan juga merupakan sebuah negeri yang mempunyai pengaruh kuasa perdagangan yang luas berbanding dengan negeri – negeri yang lain dan disegani oleh semua para pedagang sejak berkurun lagi.

Negeri Kelantan juga mempunyai banyak sejarah lain contohnya, kisah pahlawan Tok Janggut, Puteri Saadong dan lain – lain lagi. Kelantan juga mempunyai keunikan lograt pertuturan yang menyebabkan mudah untuk masyarakat mengenali rakyat Kelantan. Keunikan pertuturan bahasa Kelantan sangat berbeza dengan negeri – negeri yang ada di Malaysia. Selain itu, Kelantan juga terkenal dengan seni persembahan contohnya, Dikir Barat, Mak yong, Wayang Kulit, Main Puteri, Menora dan sebagainya. ( Buku Panduan Ke Tempat-Tempat Bersejarah Kelantan )



1.1 Gambarajah : Peta Daerah Negeri Kelantan

### **1.3 Sejarah Kota Bharu**

Kota Bharu terletak tidak jauh daripada sungai Kelantan. Perkataan “ Kota ” bermaksud sebuah bandar dan “ Kota Bharu ” pula membawa maksud sebuah bandar yang baru. Kota Bharu juga terletak di tebing sebelah timur sungai Kelantan dan berada agak jauh dari landasan kereta api yang terletak di tebing sebelah barat sungai Kelantan. Bandar Kota Bharu juga merupakan sebuah pusat komersial dan ekonomi bagi penduduk tempatan serta merupakan bandar Diraja Kelantau.

Kota Bharu juga merupakan pusat bandar bagi negeri Kelantan dan telah dibuka secara rasminya oleh Sultan Muhammad II ( Sultan Senik Mulut Merah ) pada tahun 1844. Kota Bharu ialah ibu kota negeri Kelantan telah dibuka secara rasminya oleh Sultan Muhammad II ( Sultan Senik Mulut Merah) pada tahun 1844. Namun kawasan penempatan di situ dipercayai telah diterokai lama sebelum itu. Apabila Sultan Muhammad I (Long Muhammad bin Long Yunus) mangkat pada tahun 1837, Long Zainal (adinda kepada Sultan Muhammad I) dengan sokongan sejumlah kerabat Diraja mengisytiharkan dirinya sebagai Yang DiPertuan Kelantan. Manakala Long Senik Mulut Merah (anak saudara kepada Almarhum Sultan Muhammad I dan Long Zainal) yang dipersetujui bakal pengganti oleh Almarhum Sultan Muhammad I telah diketepikan.



1.2 Gambar rajah : Peta Daerah Kota Bharu


## **1.4 Sejarah Pasir Mas**

Pasir Mas merupakan satu daripada 10 jajahan di negeri Kelantan yang terletak di bahagian utara Negeri Kelantan. Jajahan Pasir Mas bersempadan dengan jajahan Tumpat di sebelah utara, Tanah Merah di sebelah selatan, sungai Kelantan dan jajahan Kota Bharu di sebelah timur dan jajahan sungai golok Thailand di sebelah barat.

Mengikut sejarah, kewujudan Pasir Mas sebagai sebuah penempatan telah dibuka oleh Che Leh Ismail atau dikenali sebagai Che Leh Tok Pendekar. Beliau telah dipaksa ke Pasir Mas setelah tanahnya di Kota Bharu diambil alih oleh Sultan untuk tujuan pembinaan Istana. Pada masa itu, terdapat seorang guru agama dari Bachok datang untuk mengajar kelas keagamaan di Pasir Mas.

Selepas itu, guru agama tersebut kemudiannya pulang semula ke Bachok setelah selesai mengajar dan selang beberapa hari setelah kepulangan guru tersebut, secara tiba – tiba muncul tiga biji mangkuk emas dari dalam semak. Mangkuk tersebut kemudiannya berpusing membentuk pusar di sekitar semak dan secara tidak langsung juga penduduk yang melihat kejadian itu menjerit “Mas ! Mas !”. Manakala, perkataan pasir pula terbit kerana berdekatan penempatan yang terletak di tebing sungai Kelantan. Terdapat beberapa longgokan pasir di kawasan itu sehingga membentuk

padang yang luas. Selepas itu, perkataan " Pasir " dan " Mas " dicamtunkan dan wujudlah sebuah jajahan yang dipanggil Pasir Mas.



### **1.3 Gambar rajah : Peta Daerah Pasir Mas**